



28 FEB, 2025

Adam enggan tercicir lagi

Sinar Harian, Malaysia



Adam enggan tercicir lagi

PEMAIN hoki muda negara, Adam Asyraf Johari bertekad membuktikan 'bisa' sebenarnya selepas dipanggil menyertai semula skuad senior kebangsaan.

Adam sebelum ini pernah menyertai pasukan senior, namun digugurkan sebelum Piala Sultan Azlan Shah pada Mei tahun lalu.

Pemain yang berasal dari Tumpat, Kelantan itu menanam azam untuk memperagakan aksi terbaik dalam sesi pemilihan yang dijadual bermula bulan depan.

"Saya sangat gembira kerana mendapat panggilan semula.

"Ini memang impian saya dan tidak akan mensia-siakan peluang ini untuk menunjukkan bakat saya," kata pemain Tenaga Nasional Berhad (TNB) itu.

Jurulatih *Speedy Tigers*, Sarjit Singh pada Rabu mengumumkan 30 pemain yang akan menyertai latihan bermula 3 Mac ini pada sebelah malam sempena Ramadan.



ADAM